

Tiada apa2 masalah, katanya Semua projek di Kelantan akan diterus —Mahathir

KOTA BHARU, Isnin. — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, bahawa semua projek yang dirancang dan peruntukan \$200 juta yang diluluskan di bawah Kerajaan Mageran di Kelantan akan diteruskan.

Pemangku Perdana Menteri berkata demikian kepada

para pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini.

Bellau tidak mendapati ada apa-apa masalah yang akan dihadapi berikutan pembatalan kuasa pemerinatahan daerah di Kelantan yang diumumkankannya di sini semalam.

"Semua projek yang telah

dirancang dan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak \$200 juta itu hendaklah diteruskan," katanya.

Menurutnya, matalamat mengadakan Kerajaan Mageran ialah untuk memulihkan keamanan dan meneruskan pembangunan yang tergendala akibat krisis politik.

Bellau gembira kerana semua projek pembangunan yang dijalankan di bawah pemerinatahan Mageran itu berjalan lancar.

Hasilnya akan dapat sama-sama kita lihat selepas April ini, kata bellau.

Tenang

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyatakan gembira kerana keadaan keselamatan telah tenang.

"Itulah sebabnya kita menarik balik Kerajaan Mageran ini," tambah bellau.

Sekarang, tambah bellau, pemerintahan demokrasi telah diserahkan semula kepada rakyat Kelantan dan Datuk Haji Mohamed Nasir sebagai Menteri Besar akan meneruskan tanggungjawab tersebut.

Bellau kemudian menyeru pihak berkenaan memberikan kerjasama dengan Kerajaan sementara yang dibentuk.

"Sekiranya Kerajaan sementara ini memerlukan pegawai-pegawai tadbir membantunya menjalankan pentadbiran, kita akan timbangkan."

"Ini kerana matalamat kita ialah untuk memberikan pembangunan kepada rakyat dan memulihkan keamanan yang tercapai," tambah bellau.